Ilmu sains di sebalik peristiwa Israk dan Mikraj

Umat Islam diberi kesempatan meraikan peristiwa luar biasa Israk dan Mikraj yang tercatat dalam sejarah Islam pengembaraan agung Nabi Muhammad saw pada 27 Rejab





1 Dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjid al-Aqsa di Baitulmakdis (Israk)

2 Ke sidaratul muntaha (langit) bertemu Allah swt (Mikraj) hanya dalam tempoh sebahagian malam sahaja.

3 Rasulullah kembali semula ke Masjidil Haram, Makkah.

GRAFIK BERITA HARIAN

Ustaz Dr Firdaus Yahya menjelaskan teori Stephen Hawking dan Albert Einstein di sebalik peristiwa

▶ NIZAM ISMAIL
nizam@sph.com.sg

PENDEKATAN sains moden boleh dikaitkan dengan peristiwa Israk dan Mikraj dalam menunjukkan keagungan peristiwa tersebut.

Peristiwa agung Nabi Muhammad saw mengembara dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjid al-Aqsa di Baitulmakdis (Israk) dan ke langit bertemu Allah *swt* (Mikraj) hanya dalam tempoh sebahagian malam sahaja. Ini tidak berlaku sebelumnya dan tidak akan berlaku lagi, ujar Ustaz Dr Firdaus.

Manusia hari ini pula boleh bergerak sejauh 1,000 kilometer dalam tempoh satu jam melalui kapal terbang. Malah manusia dijangka mampu untuk bergerak lebih cepat pada masa akan datang, ujar Ustaz Dr Firdaus

Perjalanan Israk menurut Ustaz Dr Firdaus adalah sesuatu yang menakjubkan kerana Israk berlaku di atas muka bumi manakala peristiwa Mikraj berlaku di alam ghaib iaitu tujuh petala langit.

"Apakah tujuh petala langit? Ia bukan planet yang mengelilingi kita. Ia bukan tujuh galaksi. Tetapi ia adalah alam maya yang berlapis. Langit yang pertama adalah alam maya yang begitu luas sekali.

"Tiada mana-mana saintis dapat mengukur berapa besarnya alam ini. Yang kita ketahui ialah bintang terjauh adalah lebih kurang 14.5 bilion tahun perjalanan cahaya.

"Tetapi ini hanya had alam yang boleh dilihat. Alam yang tidak dapat dilihat oleh manusia kerana batasan kelajuan cahaya.

"Mengikut saintis Stephen Hawkings ia jauh lebih besar daripada visible universe. Sebesar-besar alam maya ini, ia hanyalah lapisan langit pertama. Yang mengelilingi dan jauh lebih besar ialah langit kedua.

"Maka setiap lapisan lebih tinggi adalah jauh lebih besar dari lapisan sebelumnya. Langit ketujuh merupakan alam yang terbesar sekali kerana ia merangkumi semua enam lapisan di dalamnya," ujar Ustaz Dr Firdaus.

Ustaz Dr Firdaus turut menukil sebuah hadis, Rasulullah *saw* untuk memperkukuh hujahnya.

Rasulullah menurutnya turut memberikan perbandingan antara arasy Allah dengan lapisan langit ketujuh. Ia adalah seperti sebuah cincin kecil yang dicampak di tengah-tengah padang pasir dunia.

Cincin itu adalah langit ke tujuh dan padang pasir yang luas itu adalah arasy Allah.

Menurut Ustaz Dr Firdaus perjalanan Israk dan Mikraj ini bersangkutan dengan jarak dengan masa kerana Rasulullah *saw* melalui peristiwa ini dalam masa yang amat singkat.

Mengikut teori relativiti khas Albert Einstein, apabila seseorang itu bergerak semakin laju, dia akan melihat masa orang lain yang bergerak dengan kelajuan yang perlahan – masa itu menjadi laju.

Sebaliknya, dia akan melihat orang yang bergerak lebih pantas daripadanya – masa orang tersebut perlahan.

Ustaz Dr Firdaus memberikan contoh: A menetap di dunia dan B naik roket yang bergerak hampir seperti kelajuan cahaya. A akan melihat jam B bergerak amat perlahan, walhal B tidak merasakan demikian. Dia tidak merasa apa-apa perubahan pada waktunya.

Sebaliknya, B akan lihat jam A bergerak dengan pantas. Semakin laju B bergerak mencecah kelajuan cahaya, semakin pantas dia akan lihat jam A berputar. Walhal A merasakan waktunya tiada perubahan.

Paradoks inilah merupakan intipati teori relativiti Einstein.

Ini terbalik dengan peristiwa Mikraj Rasulullah *saw* bergerak pantas, (ada yang menyatakan seperti kilat), tetapi masa di dunia, daripada bergerak laju, sebaliknya bergerak amat perlahan dan hampir berhenti. Ini menunjukkan bahawa pergerakan Rasulullah *saw* adalah melebihi kelajuan cahaya.

Kerana formula matematik bagi relativiti akan terbalik jika kelajuan melebihi cahaya. Maka masa di dunia bukan semakin pantas tetapi sebaliknya berlaku, ia hampir berhenti, jelas Ustaz Dr Firdaus.

Menurut Ustaz lagi peristiwa Israk diterangkan oleh Allah *swt* dalam ayat Al-Quran surah al-Israk yang bermaksud:

"Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Al Masjidil Haram ke Al Masjidil Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebagian dari tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Ada sebuah lagi ayat, dalam surah al-Israk, ayat 60, yang sebahagian ulama menafsirkannya sebagai merujuk kepada peristiwa Israk. Maksud ayat:

"Dan Kami tidak jadikan pandangan (peristiwa-peristiwa yang dialami dan dilihat oleh Rasulullah saw ketika Israk) yang telah Kami perlihatkan kepadamu, melainkan sebagai ujian bagi manusia."

Adapun peristiwa Mikraj, ia disebutkan dalam surah Najm, ayat 13-18, yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril itu (dalam rupanya yang asli) pada waktu yang lain, (iaitu) di Sidratil Muntaha di sisinya syurga tempat tinggal, (Muhammad melihat Jibril) ketika Sidratil Muntaha diliputi oleh sesuatu yang meliputinya.

"Penglihatannya (Muhammad) tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya.

" Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) Tuhannya yang paling besar."

Menurut Ustaz Firdaus:

"Jelas di sini bahawa perincian peristiwa itu tidak dijelaskan oleh Al-Quran. Sebaliknya, ia diterangkan oleh Rasulullah *saw* dalam hadis-hadisnya yang sahih dan ada yang lemah.

Ketika di Makkah, sebelum hijrah, Rasulullah *saw* tidak terangkan dengan perinci peristiwa agung ini.

Tetapi selepas Hijrah, baru Rasulullah *saw* terangkan dengan perinci.

Ini adalah kerana sebelum hijrah, majoriti orang di sekeliling Rasulullah *saw* adalah bukan Islam. Jika diterangkan dengan perinci peristiwa tersebut, mereka akan lebih mempermain-mainkan Rasulullah *saw*.

Tetapi sesudah hijrah, Rasulullah *saw* dikelilingi oleh orang-orang mukmin yang kukuh keimanan mereka, maka mereka menerima pengkhabaran Rasulullah *saw* mengenai Israk dan Mikraj tanpa mempertikaikan kesahihannya.

BIODATA USTAZ DR FIRDAUS YAHYA

Ustaz Dr Firdaus Yahya merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Temasek dan kemudian layak untuk meneruskan pengajian ke Maktab Rendah Temasek.

Namun beliau memilih untuk menyambung pelajarannya dalam bidang ukhrawi di Madrasah Aljunied.

Dalam masa yang sama, beliau mengambil peperiksaan sebagai calon persendirian untuk menduduki peperiksaan GCE peringkat A dan lulus antaranya dalam mata pelajaran Fizik dan Matematik.

Ustaz layak untuk memasuki Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam bidang sains tetapi memilih untuk meneruskan pengajian pra-universiti di Madrasah Aljunied.

Beliau menyambung pendidikannya di Universiti Al Azhar dan mendapat ijazah sarjana muda dalam Bahasa Arab dan Sastera.

Setelah itu, beliau mengambil ijazah sarjana dalam bidang hadis di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Ijazah Doktor Falsafah dalam Sains Islam pula beliau perolehi dari Institut Antarabangsa Pemikiran Tamadun Islam (ISTAC), UIAM. Tesis beliau juga diterbitkan oleh UIAM.

Selain itu, beliau juga memiliki sijil Ilmu Falak dari Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Terengganu (kini dikenali sebagai Universiti Darul Aman Terengganu).

Ustazah Habsah Senin, antara ustazah yang paling lama beramal bakti di sini merupakan ibu kepada Ustaz Dr Firdaus.

Ustaz Dr Firdaus merupakan Pengurus Pusat Pengajian Darul Huffaz dan Pengarah Syariah Consultancy.